



**UCAPAN ALUAN
MAJLIS PELANCARAN PENINGKATAN
PRODUKTIVITI GETAH DAN SAWIT RISDA
NEGERI PERAK TAHUN 2009**

**OLEH
DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN RISDA**

TEMPAT: SEKOLAH KEBANGSAAN CHANGKAT JERING, PERAK
TARIKH : 4 APRIL 2009
MASA : 3.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

**Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik
Pengerusi RISDA Malaysia**

**Yang Berhormat Datuk Hj. Rosli bin Husin
ADUN Kawasan Trong merangkap Ketua UMNO Bahagian
Bukit Gantang**

**Yang Di hormati En. Zainal bin Abd.Rahim
Pengarah RISDA Negeri Perak**

**Yang Dihormati En. Ismail bin Safian
Calon Barisan Nasional untuk pilihanraya kecil Parlimen Bukit
Gantang**

**Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-puan Pekebun Kecil yang
dihormati sekalian**

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Peningkatan Produktiviti RISDA Negeri Perak Tahun 2009 pada hari ini. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik kerana sudi melapangkan masa untuk hadir

4

bersama-sama kita pada hari ini serta merasmikan Majlis Pelancaran Peningkatan Produktiviti RISDA Negeri Perak Tahun 2009 pada pagi ini. Kita semua berasa bertuah kerana mempunyai pemimpin yang begitu prihatin dan mengambil berat tentang masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil. Kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri, insya'Allah akan menjadi pendorong dan menyemarakkan lagi semangat RISDA serta semua Pekebun Kecil Negeri Perak untuk terus berusaha bagi meningkatkan dan memperbaiki sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil.

5

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua pekebun kecil Negeri Perak khususnya kawasan Changkat Jering ini ke Majlis Pelancaran pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khususnya dan juga industri getah keseluruhannya.

Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

6

2. Tujuan Pelancaran Peningkatan Produktiviti

Tujuan Pelancaran Peningkatan Produktiviti Getah dan Sawit 2009 adalah kesinambungan daripada Pelancaran Tahun Produktiviti 2008 yang bertujuan untuk :

- 2.1 Meningkatkan hasil melebihi 2000 kg sehektar setahun bagi getah dan 20 metrik tan sehektar setahun bagi sawit.
- 2.2 Meningkatkan pendapatan pekebun kecil ke tahap RM 2000.00 sebulan sekeluarga pada penghujung RMK 9.
- 2.3 Mewujudkan satu pembudayaan aktiviti khidmat pengembangan getah dan sawit matang di kalangan pekebun kecil.
- 2.4 Mempergiatkan aktiviti khidmat pengembangan kepada golongan sasar khasnya dibawah kategori produktiviti getah dan sawit matang.

3.0 Pendekatan Kearah meningkatkan produktiviti kebun

- i. Meningkatkan hasil setorehan sepokok atau g/t/t daripada 35 gram ke 60 gram melalui penggunaan klon yang baik.
- ii. Amalan Pertanian yang baik
- iii. Penggunaan baja dan alat rangsangan
- iv. Menambahkan bilangan hari menoreh dari 11 hari ke 15 hari sebulan
- v. Meningkatkan kepadatan pokok bertoreh daripada 353 pokok sehektar ke 500 pokok sehektar

2.0 Penutup

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Pengerusi RISDA. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga kepada terima kasih kami kepada YB /Dato' para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada En Zainal bin Abd. Rahim, Pengarah RISDA Perak serta Jawatankuasanya yang telah

bekerja kuat untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**